

**"Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami dan isteri kepada mereka**

Azizah Mohd Dun



Harian Metro

2015/16

m/s 24

PARLIMEN

# Tegah kahwin bawah umur

Meor Riduwan Meor Ahmad  
mriduwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**ementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpendirian perkahwinan bawah umur boleh membantutkan perkembangan kanak-kanak terutama dari segi pendidikan dan kesihatan serta wajar ditegah bagi memberi peluang mereka mengembangkan potensi diri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Azizah Mohd Dun berkata, perkahwinan bawah umur boleh memberi tekanan dari segi fizikal dan mental merangkumi aspek kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap kanak-kanak terutama perempuan.

"Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa

asas kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami dan isteri kepada mereka.

"Dikhuatiri ia akan membuka ruang berlaku perceraian pada usia muda dan masalah sosial lain," katanya dalam persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, dari 2010 hingga 2015, sejumlah 6,268 permohonan perkahwinan bawah umur (Muslim) dan 2,775 perkahwinan bawah umur bukan Muslim dire-

kodkan di negara ini.

Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) katanya, menunjukkan permohonan perkahwinan bawah umur Islam meningkat pada 2011 iaitu sebanyak 1,045 kes atau 6.5 peratus berbanding 2010 sebanyak 981 kes dan 2012, (1,095 kes dan 4.5 peratus).

"Permohonan ini menurun antara 0.5 peratus dan 4.8 peratus mulai 2013 (1,090 kes), 2014 (1,032 kes) dan 2015 (1,025 kes).

"Rekod Jabatan Pendafta-

ran Negara (JPN) pula menunjukkan kes perkahwinan bawah umur bagi bukan Muslim menurun 9.2 peratus atau 502 kes pada 2011 berbanding 2010 (553 kes) dan meningkat sedikit antara 2012 (468 kes) dan 2013 (514 kes).

"Kes bagi 2013 hingga 2015 menurun iaitu 410 kes pada 2014 dan 328 kes pada 2015," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Sapawi Ahmad (BN-Sipitang) dan Gobind Singh Deo (DAP-Puchong) yang ingin tahu bilangan pendaftaran dan perkahwinan remaja bawah umur serta langkah diambil bagi memastikan ia tidak berleluasa dalam kalangan masyarakat selain sama ada pindaan Akta Kanak-kanak 2001 melarang perkahwinan kanak-kanak bawah umur 18 tahun.

Azizah berkata, di Malaysia perundangan perkahwinan adalah mengikut undang-undang keluarga yang

ditadbir secara berasingan bagi umat Islam dan bukan Islam serta mengikut adat bagi Sabah dan Sarawak.

Katanya, perkahwinan Islam ditadbir Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri yang memperuntukkan umur 18 bagi lelaki dan 16 untuk gadis perlu mendapat kelulusan Mahkamah Syariah.

Bagi bukan Islam, Seksyen 10 Akta Membarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memperuntukkan minimum perkahwinan adalah pada usia 18 tahun, namun boleh berkahwin dengan lesen oleh Ketua Menteri.

Beliau berkata, perkahwinan adat pula dilaksanakan dan didaftar mengikut undang-undang adat kaum pribumi masing-masing di Sarawak dan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah.

www.yes.my

yes 4G

PERCUMA Huddle XS Bermilal RM509

Meriahnya Ramadan!

Kontrak 12 bulan. Stok terhad!

\* Bertakuk kepada temo dan syarat. Diterajui oleh YTL.